

29/04/2001

Setinggalan antara punca banjir kilat

Kadir Dikoh

SUBANG: Reka bentuk pembangunan bandar yang kurang baik dan masalah setinggalan adalah antara punca banjir berlaku di Kuala Lumpur, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Perdana Menteri berkata, perbelanjaan besar diperlukan bagi mengatasi masalah banjir kilat kerana ia turut membabitkan masalah setinggalan.

"Reka bentuk berkenaan dengan pembangunan kurang baik, tapi agak terlewat sedikit untuk buat sesuatu melainkan kalau kita sanggup belanja dengan banyak dan juga kita sanggup menangani masalah setinggalan.

"Jadi kalau kita nak buat sesuatu, saya yakin parti lawan akan menentang dan ini akan menjadi masalah. Sampai bila ini tidak akan selesai. Kita nak selesai tetapi orang nak jadikan ini isu politik," katanya pada sidang akhbar sekembalinya dari lawatan rasmi dua hari ke Dubai di Pangkalan Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM) di sini, semalam.

Beliau ditanya mengenai hujan lebat berterusan kira-kira tiga jam petang Khamis lalu, yang menenggelamkan beberapa jalan utama apabila air Sungai Klang dan Sungai Gombak melimpah dan menyebabkan dua orang mati, masing-masing kerana terkena kejutan elektrik dan terjatuh.

Banjir kilat itu juga menyebabkan berpuluh-puluh kenderaan tersadai dan diletakkan di tepi jalan hingga menyebabkan kesesakan jalan raya yang teruk.

Banjir kilat itu dipercayai paling buruk sejak 1971.

Dr Mahathir turut ditanya mengenai cadangan Menteri Kerja Raya, Datuk Seri S Samy Vellu, bahawa mereka yang didapati membuang sampah di sungai dikenakan hukuman penjara kerana kejadian banjir kilat itu antara lain disebabkan sikap tidak bertanggungjawab orang ramai yang menjadikan sungai tempat membuang sampah.

Perdana Menteri berkata, walau sebaik mana sekalipun niat kerajaan untuk menangani sesuatu masalah, orang ramai biasanya memberi tanggapan yang bukan-bukan.

"Ya... kalau kita buat yang itu (hukuman penjara), orang kata kita tak ada timbang rasa (terhadap) orang miskin. Jadi kalau kita tak nak kuat kuasa undang-undang, kita akan hadapi masalah (juga)," katanya.

Kelmarin, Samy Vellu antara lain juga berkata, kerajaan sudah membelanjakan berjuta-juta ringgit bagi mendalamkan sungai serta melaksanakan projek tebatan banjir, tetapi mendapan sampah di dasar sungai terus menimbun kerana orang ramai terus membuang sampah.

Pengarah Jabatan Kawalan dan Pembersihan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL), Mohd Sidek Khalid, pula mendakwa Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) Wilayah Persekutuan tidak serius dalam usaha mengatasi masalah banjir kilat di Kuala Lumpur dan kawasan sekitarnya, sehingga menyebabkan kejadian itu sering berulang.

Ini termasuk kegagalan jabatan berkenaan bertindak segera mendalamkan Sungai Klang dan Sungai Kerayong yang menjadi punca banjir kilat di beberapa kawasan sekitar bandar raya dan Jalan Klang Lama.

Mohd Sidek dipetik sebagai berkata, banjir yang melanda Jalan Klang Lama dan beberapa kampung berhampiran disebabkan limpahan air daripada kedua-dua sungai itu.

(END)